



Translated: January 2026

Sifilis

- Sifilis ialah jangkitan kelamin (STI) yang boleh menjadi sangat serius jika tidak dirawat.
- Ramai orang mengalami gejala ringan selama beberapa hari sahaja atau tiada apa-apa gejala.
- Sifilis boleh disembuhkan dengan antibiotik.

Sifilis ialah jangkitan kelamin (STI) yang sangat serius dan boleh menjejaskan otak dan organ lain. Penyakit ini disebabkan oleh bakteria *Treponema pallidum*.

Sifilis mudah disembuhkan jika dikesan awal-awal.

Sifilis boleh menjadi sangat berbahaya semasa kehamilan. Jika wanita hamil menghidapnya, sifilis boleh menular kepada bayi dan membahayakan nyawa bayi itu. Baca lebih lanjut tentang [sifilis semasa kehamilan](#).

Bagaimana anda dijangkiti sifilis

Sifilis berjangkit daripada seorang kepada orang lain semasa aktiviti seks.

Sifilis merebak melalui seks faraj, dubur dan mulut tanpa perlindungan.

Sifilis juga boleh merebak melalui sentuhan intim atau kulit ke kulit dengan orang yang dijangkiti.

Ibu yang dijangkiti juga boleh menyebarkan sifilis kepada bayi melalui plasenta semasa hamil, iaitu disebut sifilis kongenital. Baca lebih lanjut tentang [sifilis semasa kehamilan](#).

Apakah tanda dan gejala sifilis?

Tanda-tanda awal sifilis tidak bertahan lama. Anda mungkin menghidap sifilis dan menjangkiti orang lain tanpa sedar.

Kudis atau ulser (syanker)

Sesetengah orang mengalami kudis atau ulser di sekitar kemaluan atau mulut, tiga hingga 12 minggu selepas jangkitan.

Kudis tersebut:

- biasanya tidak sakit (mungkin anda tidak sedar).

- biasanya tidak berdarah
- kerap terasa seperti bintat keras pada kulit

Jika tidak dirawat, kudis itu sembuh dan hilang selepas beberapa minggu, tetapi jangkitan masih ada, dan bakteria berada dalam aliran darah lalu merebak ke seluruh tubuh. Ini disebut peringkat primer penyakit.

Gejala lain

Jika sifilis tidak dirawat, lebih banyak gejala mungkin muncul dua hingga enam bulan selepas jangkitan. Ini peringkat sekunder, yang boleh berlangsung selama enam bulan atau lebih.

Gejalanya mungkin termasuk:

- ruam kulit (pada muka, badan, lengan, betis/paha, tapak tangan, dan tapak kaki)
- keguguran rambut
- kelenjar bengkak
- demam
- sakit kepala
- sakit pada tulang, sendi dan otot
- benjolan di lipatan paha dan di sekitar dubur atau vulva.

Tanpa rawatan, terdapat peringkat laten yang tiada tanda ketara tetapi anda masih boleh menjangkiti orang lain.

Gejala akan hilang tetapi jika tidak dirawat, sifilis kekal dalam tubuh dan boleh menular melalui seks dalam tempoh sehingga dua tahun. Penyakit ini juga boleh menyebabkan anda sakit teruk.

Jika tidak dirawat selama lebih dua tahun (disebut peringkat tertier), sifilis boleh menjejaskan otak, jantung, pembuluh darah besar, saraf tunjang, kulit dan tulang. Keadaan ini boleh menyebabkan hilang upaya dan kematian.

Sifilis semasa kehamilan

Jika dihidapi wanita hamil, sifilis boleh menjangkiti bayi dan membahayakan nyawa bayi itu. Keadaan ini disebut sifilis kongenital.

Jika dikesan di awal kehamilan, sifilis boleh dirawat, sekali gus mengurangkan kemudaratan pada bayi.

Wanita hamil patut menjalani ujian sifilis di awal kehamilan dan secara kerap sepanjang tempoh kehamilan.

Baca lebih lanjut tentang [sifilis semasa kehamilan](#).

Bagaimana saya tahu jika saya menghidap sifilis

Minta ujian darah sifilis

Doktor akan melakukan ujian darah bagi mengesan sifilis. Namun, sifilis tidak dapat dikesan melalui ujian dalam tempoh yang singkat sejeurus selepas memasuki tubuh. Jika keputusan ujian negatif, anda patut menjalani ujian lagi selepas tiga bulan.

Ada baiknya menjalani ujian untuk jangkitan kelamin (STI) lain seperti [klamidia](#), [gonorea](#) dan [HIV](#) pada masa yang sama.

Cari perkhidmatan yang menyediakan ujian darah sifilis di [Get the Facts \(laman luaran\)](#). Lakukan carian mengikut lokasi kemudian pilih 'Sexual Health / Pregnancy / Sexuality'.

Bagaimanakah rawatan sifilis?

Rawatan untuk sifilis

Sifilis dirawat dengan penisilin atau antibiotik lain. Anda perlu mengikuti rawatan sehingga selesai dan menghadiri semua janji temu.

Selepas rawatan, anda perlu menjalani ujian darah untuk memastikan sudah sembuh.

Jika tidak dirawat

Jika dihidapi selama lebih daripada dua tahun tanpa rawatan, sifilis boleh menjejaskan:

- otak
- jantung
- pembuluh darah besar
- saraf tunjang
- kulit
- tulang.

Keadaan ini boleh menyebabkan hilang upaya dan kematian.

Semasa mendapat jangkitan

Sebaik sahaja diagnosis disahkan, jangan lakukan seks faraj, dubur atau mulut, walaupun dengan kondom, sehingga selesai rawatan sepenuhnya. Sifilis sangat berjangkit, terutama di peringkat primer dan sekunder.

Pengesanan kontak

Doktor juga patut berbincang dengan anda tentang penjejakan kontak.

Jika ujian sifilis anda positif, pasangan seks anda mesti diberitahu. Hal ini penting agar sifilis tidak menjejaskan kesihatan mereka dan terus merebak. Jika pasangan seks tetap anda tidak dirawat, anda mungkin mendapat sifilis lagi.

Penjejakan kontak bererti mencari dan memaklumkan sesiapa yang telah bersentuhan dengan orang yang dijangkiti, supaya mereka boleh mendapatkan kaunseling, ujian dan rawatan jika perlu. Penjejakan kontak boleh dilakukan sendiri dan/atau dengan bantuan

profesional kesihatan. Bincangkan dengan doktor anda. Laman web Better To Know (laman luaran) juga boleh digunakan untuk memberitahu pasangan seks anda tanpa menyatakan nama anda.

Bagaimanakah sifilis dapat dicegah?

- Kerap jalani ujian jangkitan kelamin.
- Pakai kondom dan/atau dam/perintang serta pelincir berasaskan air setiap kali berhubungan seks.
- Berbincanglah dengan pasangan seks anda tentang kesihatan seksual.

Tempat untuk mendapatkan bantuan

- Berjumpalah dengan doktor (GP) anda
- Hubungi *healthdirect* 1800 022 222
- Hubungi Talian Bantuan Kesihatan Seksual
 - panggilan metropolitan: (08) 9227 6178
 - panggilan luar bandar: 1800 198 205
- Layari [Healthysexual \(laman luaran\)](#) untuk mendapatkan penerangan serta ujian klamidia dan gonorea dalam talian secara percuma
- Hubungi [klinik kesihatan seksual tempatan anda \(laman luaran\)](#)

This document can be made available in alternative formats on request for a person with disability.

© Department of Health 2025

Copyright to this material is vested in the State of Western Australia unless otherwise indicated. Apart from any fair dealing for the purposes of private study, research, criticism or review, as permitted under the provisions of the Copyright Act 1968, no part may be reproduced or re-used for any purposes whatsoever without written permission of the State of Western Australia.